



**KENYATAAN AKHBAR  
OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

**BERKENAAN:**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI  
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI  
DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI SABAH TAHUN 2018**

1. Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun persekutuan dan negeri. Perkara 107 (1) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Perkara 112(A) Perlembagaan Persekutuan pula menyebut laporan tersebut hendaklah dibentangkan dalam sidang Dewan Undangan Negeri Sabah setelah mendapat persetujuan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah.
2. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Negeri Sabah Tahun 2018 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 4 November 2019, setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya LKAN telah mendapat persetujuan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sabah pada 15 November 2019.
3. LKAN pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

**3.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri**

Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan yang benar dan

saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan yang dijalankan mendapati Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah telah diberi Pendapat Tanpa Teguran. Penyata kewangan tersebut telah menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan kerajaan negeri dan rekod perakaunan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

### **3.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri**

- a. Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan penyata kewangan kerajaan negeri, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan kerajaan negeri.
- b. Analisis Audit berdasarkan kepada Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan, mendapati kedudukan kewangan kerajaan negeri adalah kukuh.
- c. Secara keseluruhannya, baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2018 mencatatkan peningkatan sejumlah RM970.89 juta atau 34.6% menjadi RM3.774 bilion pada tahun 2018 berbanding RM2.803 bilion pada tahun 2017.
- d. Akaun Hasil Disatukan mencatatkan lebih berjumlah RM62.57 juta, meningkat sebanyak RM5.91 juta atau 10.4% berbanding RM56.66 juta pada tahun 2017. Dengan ini, baki Akaun Hasil Disatukan pada akhir tahun 2018 berjumlah RM3.860 bilion berbanding RM3.797 bilion pada akhir tahun 2017. Kutipan hasil juga meningkat sejumlah RM271.80 juta atau 7% kepada RM4.158 bilion berbanding RM3.887 bilion pada tahun 2017.
- e. Jumlah hutang awam menurun sebanyak RM77.57 juta (2%) menjadi RM3.794 bilion berbanding RM3.871 bilion pada tahun 2017. Tiada tunggakan bayaran balik hutang awam oleh kerajaan negeri pada tahun 2018.

### 3.3. Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri

- a. Mengikut Seksyen 5(1)(c), Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
- b. Setakat 21 Oktober 2019, bilangan penyata kewangan yang perlu diaudit dan telah disahkan adalah seperti berikut:

| BIL.          | PENYATA KEWANGAN          | BILANGAN<br>PENYATA<br>KEWANGAN<br>TAHUN 2018 | PENSIJILAN<br>SETAKAT<br>21.10.2019 |
|---------------|---------------------------|-----------------------------------------------|-------------------------------------|
| 1.            | Badan Berkanun Negeri     | 18                                            | 11                                  |
| 2.            | Pihak Berkuasa Tempatan   | 25                                            | 22                                  |
| 3.            | Majlis Agama Islam Negeri | 2                                             | 1                                   |
| <b>JUMLAH</b> |                           | <b>45</b>                                     | <b>34</b>                           |

- c. Daripada 45 penyata kewangan agensi negeri tahun 2018, sebanyak 22 penyata kewangan telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran. Sebanyak tujuh (7) penyata kewangan telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* dan lima (5) penyata kewangan telah diberikan Pendapat Berteguran. Sebanyak 10 penyata kewangan masih dalam proses pengauditan kerana kelewatan agensi mengemukakan penyata kewangan dan dokumen sokongan yang lengkap. Manakala baki satu (1) penyata kewangan masih belum dikemukakan oleh Agensi kepada pihak Audit untuk pengauditan.
4. LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Tahun 2018 bagi Negeri Sabah dijadual dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Sabah pada 15 November 2019. Oleh itu, LKAN ini akan

dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara pada tarikh yang sama. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 15 November 2019 selepas jam 3.00 petang. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada [Warkah Untuk Ketua Audit Negara](#). Cakera padat (CD) yang mengandungi laporan-laporan tersebut akan turut diedarkan kepada pihak media pada hari pembentangan di Bilik Media, Aras 3, Bangunan Dewan Undangan Negeri Sabah.

Ketua Audit Negara  
Malaysia

15 November 2019